

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut;
- NO. SEBUT HARGA** : **JPSWPKL (SH) / PLSK / 43 / 2022**
TAJUK PROJEK : **KERJA-KERJA NAIKTARAF DAN PEMBAIKAN GANTRY CRANE CG3@A4 DAN KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KLFM-B.**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G2	ME	M15 - Kelengkapan Mekanikal Pelbagai

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **21 April 2022 (Khamis)** hingga **28 April 2022 (Khamis)**.
4. Dokumen sebut harga kerja hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, **PENAMA** kontraktor hendaklah membawa sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga serta satu Salinan Kad Pengenalan.
5. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang Pos (money order) sahaja** berharga **RM30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Ringgit Sahaja)** yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - KASA - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
6. Sebut harga ini akan dijual pada **21 April 2022 (Khamis)** hingga **28 April 2022 (Khamis)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
7. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Tiada lawatan tapak diadakan. Namun kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan secara sendiri dan berasingan. Kontraktor **DIGALAKKAN** menghadiri taklimat sebut harga. Taklimat akan diadakan di **Bilik Mesyuarat, Blok B, Pejabat Lembaga Sungai Klang** pada **20 April 2022 (Rabu)** pada jam **9.30 pagi**. Hanya **PENAMA** syarikat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut. Sehubungan dengan itu, kontraktor diminta untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **28 April 2022 (Khamis)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
10. Penyebut harga **boleh menghantar dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas sebelum **atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah Pencegahan Covid-19 dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM dan MKN semasa pembelian dan penghantaran dokumen sebut harga ke JPSWPKL.

HAJI ZUL BIN MOHAMMAD
Pengeran Operasi
...Pejabat Lembaga Sungai Klang...
Nama Jabatan Pengairan dan Saliran
Jawatan :
Tarikh :

14 APR 2022